

Dr. M ingatkan ahli politik BN jangan berlagak, sombong

UM 11 AUG 2002

IPOH 10 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan ahli politik Barisan Nasional (BN) supaya tidak berlagak atau sombong dengan kedudukan mereka.

Beliau berkata, mereka perlu ingat bahawa kedudukan yang mereka peroleh adalah berdasarkan kepada sokongan rakyat yang memilih untuk mengundi mereka dalam pilihan raya.

"Sebagai ahli politik, kita kena ingat bahawa tempat kita duduki kerana rakyat sokong kita. Jika berlagak mewah dan tak kenang daratan, saya yakin sokongan itu akan lenyap dan hilanglah tempat kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap, pada majlis makan malam sempena Kejohanan Badminton Piala Perdana 2002 di Dewan Bankuet di sini, malam ini.

Majlis makan malam itu juga diadakan bagi meraikan 21 tahun perkhidmatan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Menurut Dr. Mahathir, pilihan raya adalah peperiksaan kepada orang politik dan jika tidak pandai menawan hati

orang, mereka akan gagal dalam peperiksaan itu.

"Dulu saya kerja sebagai doktor kerana saya lulus peperiksaan. Nak jadi PM, tak ada periksa. Kalau ada, saya nak masuk, orang lain pun boleh masuk," katanya.

Katanya, rakyat tidak senang kalau mereka nampak sombong dan hidup terlalu mewah, jadi kalau ada duit banyak, lebih elok berbelanja di tempat lain.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, sebagai ahli politik, selalunya beliau boleh bercakap berjam-jam tetapi pada majlis makan malam kali ini, beliau tidak dapat berkata apa-apa.

"Banyak sangat puji-pujianya, tak tahu nak cakap apa lagi. Tapi bagi saya, puji-pujian itu hanya kepada Allah," katanya.

Ini kerana, kata beliau, sebagai manusia, semua orang hidup sementara sahaja dan kadang-kadang meninggalkan kesan sekiranya berpeluang.

Katanya, ada orang lain yang lebih baik daripada beliau tetapi tidak ada peluang untuk membuktikannya.

"Saya ada peluang jadi orang nampak," ujarnya.